

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

352

[13hb Mei 2021]

## No. 441.

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN)  
MAJLIS DAERAH DUNGUN (PINDAAN) 2021

DISTRICT COUNCIL DUNGUN (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
(AMENDMENT) BY-LAWS 2021

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 102(t) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Dungun membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

### Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan) Majlis Perbandaran Dungun (Pindaan) 2021** dan hendaklah terpakai bagi kawasan Majlis Perbandaran Dungun.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

### Pindaan undang-undang kecil 1

2. **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan) Majlis Daerah Dungun 1985** [Tr.P.U. 1/1985] yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam undang-undang kecil 1 dengan menggantikan perkataan “**Majlis Daerah Dungun**” dengan perkataan “**Majlis Perbandaran Dungun**”.

### Pindaan am

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “**Majlis Daerah Dungun**” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “**Majlis Perbandaran Dungun**”.

### Pindaan undang-undang kecil 3

4. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 3(1) dengan perenggan yang berikut:

“3. (1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun suatu kesalahan tidak boleh lebih daripada lima puluh peratus daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum oleh Akta atau undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya.”.

## WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

13hb Mei 2021]

353

Diperbuat oleh Majlis Perbandaran Dungun dalam mesyuaratnya pada 29 Oktober 2019 [Rujukan : MPD 06/01/01/11-a]

LIZAN BIN CHE MAT  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Dungun*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam Mesyuaratnya pada 14 April 2021 [Rujukan : SUK. TR.(R).1200/346/3/1; PUN.TR.26/2020/2]

ZULKIFLY BIN ISA  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu*

In exercise of the powers conferred under paragraph 102 (*t*) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Dungun Municipal Council makes and pursuant to section 103 of the Act, the State Authority hereby confirmed the following by-laws:

### **Short title, application and commencement**

1. (1) These by-laws may be cited as the **District Council Dungun (Compounding of Offences) (Amendment) By-Laws 2021** and shall apply to the Dungun Municipal Council.

(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

### **Amendment of by-laws 1**

2. The District Council Dungun (Compounding of Offences) By-Laws, 1983 [*Tr.P.U.I/1985*], which are referred to as the “principal By-Laws” in these By-Laws, is amended in by-law 1 by substituting the words “**District Council Dungun**” the words “**Dungun Municipal Council**”.

### **General amendment**

3. The principal By-Laws are amended by substituting for the words “District Council Dungun” wherever appearing the words “Dungun Municipal Council”.

### **Amendment of by-laws 3**

4. The principal By-Laws are amended by substituting for the paragraph 3 (1) the following paragraph:

“3. (1) The sum of money to be collected for compounding an offence shall not exceed fifty per centum of the maximum fine with which such offences is punishable under the Act or by-laws made thereunder.”.

## WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

354

[13hb Mei 2021]

Made by Dungun Municipal Council is the meeting on the 29 October 2019.  
[Reference : MPD 06/01/01/11-a]

LIZAN BIN CHE MAT  
*President*  
*Dungun Municipal Council*

Confirmed by the State Authority in the Meeting on the 14 April 2021  
[Reference No. : SUK. TR.(R).1200/346/3/1; PUN.TR.26/2020/2]

ZULKIFLY BIN ISA  
*Secretary,*  
*The State Executive council*  
*Of Terengganu*

No. 442.

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN)  
MAJLIS DAERAH BESUT (PINDAAN) 2021

DISTRICT COUNCIL BESUT (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
(AMENDMENT) BY-LAWS 2021

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 102(t) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Besut membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

### Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan) Majlis Daerah Besut (Pindaan) 2021** dan hendaklah terpakai bagi kawasan Majlis Daerah Besut.  
  
(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

### Pindaan undang-undang kecil 3

2. **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan) Majlis Daerah Besut 1985** [Tr.P.U. 2/1985] dipinda dengan menggantikan perenggan 3(1) dengan perenggan berikut:

“3. (1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun suatu kesalahan tidak boleh lebih daripada lima puluh peratus daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum oleh Akta atau undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya.”.